



KENYATAAN MEDIA

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

MAJLIS PEMBUKAAN PEJABAT BARU NIOSH WILAYAH SABAH (TAWAU)

Tawau, 28 April 2017 - Majlis Pembukaan Pejabat Baru National Institute of Occupational Safety and Health (NIOSH) Wilayah Sabah di Tawau, Sabah telah dirasmikan oleh Menteri Sumber Manusia, YB Dato' Sri Richard Riot Anak Jaem di Perkarangan Pejabat NIOSH Wilayah Sabah (TAWAU).

Majlis tersebut diadakan dengan tujuan untuk memberi hebahan kepada semua industri swasta dan sektor kerajaan pembukaan Pejabat NIOSH Wilayah Sabah-Tawau ini bagi menampung keperluan dan permintaan perkhidmatan NIOSH yang terdapat di daerah Tawau, Semporna, Kunak, Lahad Datu, Merotai dan kawasan sekitarnya.

Mereka yang terlibat di dalam sektor pelancongan, pertanian dan pembalakan perlu melaksanakan amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan (KKP) yang baik bagi membantu mengurangkan jumlah kemalangan di tempat kerja. Ketiga-tiga sektor ini amat penting dan merupakan antara penyumbang utama ekonomi di Sabah dan Sarawak. Berdasarkan statistik latihan yang disediakan oleh NIOSH, penyertaan majikan dan pekerja dari ketiga-tiga sektor ini masih lagi berada di tahap yang amat rendah.

NIOSH mempunyai kemampuan menyediakan latihan khusus bagi pekerja-pekerja di dalam sektor berkenaan selain membantu majikan melaksanakan amalan KKP yang baik dalam perkhidmatan serta di premis mereka.

Jika diambil sektor pelancongan di Sabah sebagai contoh, industri bernilai RM7.25 bilion itu bakal terjejas sekiranya tiada langkah diambil oleh pihak berwajib dan pengusaha pelancongan untuk memastikan keselamatan pekerja dan pelancong terjamin sepenuhnya.

Tragedi Bot Katamaran karam di perairan Pulau Mengalum membabitkan 28 warga China Januari lepas perlu dijadikan pengajaran kerana jika berulang, jumlah kemasukan pelancong juga akan berkurang disebabkan isu keselamatan yang gagal diselesaikan.

Begitu juga sektor pertanian dan pembalakan, peningkatan kemalangan dan kematian melibatkan pekerja akan menjejaskan nama baik Malaysia sebagai pengeksport hasil pertanian dan kayu-kayan.

Menurut laporan statistik terkini yang dikeluarkan oleh PERKESO, jumlah keseluruhan kemalangan yang dilaporkan sepanjang tahun 2011 sehingga tahun

2016 adalah sebanyak 8,405 bagi sektor pertanian dan 1,899 bagi sektor perhutanan di seluruh Malaysia.

Pecahan daripada laporan statistik tersebut menunjukkan di negeri Sabah sahaja pada tahun 2016, sebanyak 182 kemalangan yang dilaporkan bagi kedua dua sektor. .

###

**Dikeluarkan oleh:
Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Sumber Manusia
28 April 2017**